

الحديث الحادي والثلاثون

وعن ابن عمرو رضي الله عنهم مرفوعا :
اقرأ القرآن في كل شهر، اقرأه في عشرين ليلة، اقرأه في عشر اقرأه في سبع،
ولا تزد على ذلك.
رواه الشيخان، وأبو داود.

(31) 'Abdullah bin 'Amru *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan secara *marfu'* yakni Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh sebulan, bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh dua puluh malam, bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh 7 hari. Jangan lakukan dalam tempoh yang kurang daripada itu.

Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud.

الحديث الثاني والثلاثون

وعن ابن عمرو رضي الله عنهم قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

اقرأ القرآن ما نهاك، فإذا لم ينهك فليست تقرأه.

رواه الديلمي في مسند الفردوس.

(32) 'Abdullah bin 'Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran selagi ia menghalang engkau daripada maksiat. Jika al-Quran tidak dapat menghalang engkau daripada maksiat, maka sebenarnya engkau tidak membacanya pun.

Riwayat ad-Dailami dalam Musnad al-Firdaus.

الحديث الثالث والثلاثون

وعن بريدة رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

اقرأوا القرآن بالحزن، فإنه نزل بالحزن.

رواه أبو يعلى والطبراني في الأوسط، وأبو نعيم في الحلية.

(33) Buraidah *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran dengan nada yang sayu, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan nada yang sayu.

Riwayat Abu Ya'la, at-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat, dan Abu Nu'aim dalam al-Hilyah.

الحديث الرابع والثلاثون

وعن جندب رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

اقرأوا القرآن ما أتلفت عليه قلوبكم، فإذا اختلفتم فيه فقوموا.

رواه أحمد، والشيخان، والنسائي.

(34) Jundub bin Junadah *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran selagi hati kamu masih ingin. Apabila kamu merasa sebaliknya, berhentilah sebentar.

Riwayat Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan an-Nasa'i.

الحديث الخامس والثلاثون

وعن أبي أمامة رضي الله عنه، عن النبي صل الله عليه وسلم:
اقرأوا القرآن، فإن الله تعالى لا يعذب قلبا وعى القرآن.
رواه تمام.

(35) Abu Umamah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran, sesungguhnya Allah tidak mengazab hati yang menampung al-Quran.

Riwayat Tammam.